



NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

## Menara Merdeka 118 cerminan kemajuan pesat negara

Ogos 31, 2023 @ 12:30pm



Menara Merdeka 118. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pemulihan Stadium Merdeka, lokasi keramat pengisytiharan kemerdekaan negara pada 1957, dan pembangunan Menara Merdeka 118 yang berdiri gah bersebelahannya benar-benar mencerminkan sejauh mana negara sudah berkembang maju.

Bangunan ikonik itu bakal dibuka secara rasmi pada akhir tahun ini dengan Permodalan Nasional Bhd (PNB), pemilik Merdeka 118, akan berpindah ke tingkat 17 menara tersebut, kata Ketua Pegawai Eksekutif PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd, Tengku Datuk Ab Aziz Tengku Mahmud.

PNB memiliki Merdeka 118 melalui anak syarikat milik sepenuhnya, PNB Merdeka Ventures.

Kerja asas bagi pemulihan Stadium Merdeka dan juga pembangunan bangunan ikonik terbaru negara bermula itu pada 2016, tetapi pandemik COVID-19 menyebabkan usaha penyiapannya tertangguh selama setahun.

## DISYORKAN UNTUK ANDA

"Kami kini berada di fasa akhir untuk mendapatkan kelulusan pihak berkuasa berkaitan termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Selepas PNB berpindah dari lokasinya ketika ini di Menara PNB, Jalan Tun Razak, penyewa utama kami, Maybank, dijangka berpindah tahun depan, menjadikan menara itu 70 peratus diduduki," katanya.

Tengku Ab Aziz juga berkata, Stadium Merdeka dijangka dibuka semula kepada orang ramai menjelang suku pertama tahun depan selepas ditutup sejak 2016, manakala Stadium Negara tertutup dijadualkan untuk pengubahsuaian.

Bercakap kepada pemberita semasa sesi lawatan media ke bangunan pencakar langit itu baru-baru ini, beliau berkata penyewa utama lain ialah hotel Park Hyatt bertaraf lima bintang, yang menduduki 17 tingkat (dari aras 100 hingga 117) dengan 252 bilik manakala gedung membeli belah 118 Mall setinggi tujuh tingkat dijangka siap pada 2024.

Apabila siap sepenuhnya kelak pada 2027, Merdeka 118 yang menampilkan menara canggih setinggi 678.9 meter itu akan mengubah kawasan persekitarannya yang sebelum ini terkenal dengan aktiviti sukannya, menjadi mercu tanda baharu baharu ibu kota dengan bangunan pejabat premiumnya, hotel mewah, pusat membeli-belah moden, kediaman, tapak warisan, muzium dan masjid.

Bangunan pencakar langit terbaru di bandar raya itu adalah yang kedua tertinggi di dunia selepas Burj Khalifa Dubai pada ketinggian 828 meter.

Direka bentuk oleh Fender Katsalidis dari Melbourne, struktur itu termasuk puncak menara 40 tingkat (160.4 meter).

Pembangunan menara kediaman

Menurut Tengku Ab Aziz, pembangunan utama lain di kawasan itu termasuk Menara Timur Merdeka Residences setinggi 65 tingkat dan Menara Barat Merdeka Residences setinggi 63 tingkat, serta kediaman berperkhidmatan Oakwood Premier Kuala Lumpur.

Pembangunan Merdeka 118 yang menelan kos RM5 bilion itu mempunyai 3.1 juta kaki persegi ruang lantai dan dek pemerhatian tertinggi di Asia Tenggara, setinggi 500 meter.

Tengku Ab Aziz berkata, pembangunan itu mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) RM7 bilion.

Merdeka 118 terdiri daripada kira-kira 18,000 panel kaca yang membentuk penampilan luar kristal menara itu dan pemasangan panel akhir menandakan menara itu 95 peratus siap.

Mengenai kebimbangan pembangunan itu akan menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut, yang berhampiran dengan Petaling Street, Tengku Ab Aziz memberi jaminan menara itu akan mudah untuk diakses menerusi pengangkutan awam berhampiran seperti stesen MRT Merdekanya sendiri, dan akses ke stesen LRT Hang Tuah dan Plaza Rakyat, serta hentian monorel Maharajalela dan Hang Tuah.

"Aliran trafik juga akan dibuka sehalu untuk mengurangkan kesesakan apabila bangunan pencakar langit itu beroperasi sepenuhnya," katanya.

Selain pengangkutan awam, menara itu juga mempunyai sambungan terus melalui Terowong Belfield, akses dari Lebuhraya Persekutuan, serta Jalan Damansara atau Jalan Istana.

97.8 peratus siap, tumpuan kepada kelestarian

Sehingga Ogos 2023, Merdeka 118 adalah menara pertama di Malaysia yang berusaha untuk mencapai penilaian platinum hijau tiga kali ganda dengan pensijilan kelestarian antarabangsa dan kerja-kerja telah 97.8 peratus siap.

Tengku Ab Aziz juga berkata, syarikat antarabangsa turut menunjukkan minat untuk beroperasi di Merdeka 118, dan ramai yang mencari bangunan yang bercirikan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) kerana tidak banyak bangunan yang diperakui ESG di bandar raya ini.

"Ruang pejabat dibuka untuk disewa pada harga RM20 sekaki persegi," katanya.

Walaupun ramai orang yang mungkin agak keliru mengenai fungsi antara Tun Razak Exchange (TRX) dan Merdeka 118, Tengku Ab Aziz menjelaskan bahawa bangunan kedua tertinggi di dunia akan dikategorikan sepenuhnya sebagai bangunan warisan, budaya dan lestari Malaysia untuk menjadi penanda aras industri bagi ciri-ciri kelestarian dan bukannya sebagai hab kewangan.

Menurutnya, reka bentuk Merdeka 118 adalah berdasarkan siluet (bayang) Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman yang mengangkat tangan sambil melaungkan laungan "Merdeka!" pada 31 Ogos 1957, manakala puncak menara di atas bangunan itu mencerminkan imej bapa kemerdekaan mengangkat tangan beliau semasa pengisytiharan kemerdekaan.

Pemandangan menakjubkan Merdeka 118 dari Stadium Merdeka memberikan pengalaman dan gambaran suasana perjalanan masa dari tahun 1957 hingga ke hari ini, manakala pembangunan dan seni bina moden, adalah manifestasi kemajuan pesat negara sejak enam dekad yang lalu. – BERNAMA



#### GELINTAR IKLAN

**Shah Alam: hampir percuma SUV 2023 yang tidak terjual (lihat harga)**

KETAHUI LA

## BERITA BERKAITAN

### You May Like

**Bil Elektrik Tinggi? Inilah Cara Anda Boleh Jimat Sehingga 90%!**

Jimat Bil Elektrik Sehingga 90%

elecTrick - Save Up To 90%

Sponsored Links by Taboola

**Nampak muda, lagi sihat tapi kenapa mereka perlukan tempat duduk dalam kereta api. Ini sebabnya**

CNA

**Kuala Lumpur: kos panel suria mungkin mengejutkan anda!**

Pemasangan Panel Suria | Iklan carian

**Petua menghalau semut dari taman: Saya hanya meletakkannya di tanah, keesokannya, semut sudah tiada**

Kingdom Of Men

**Teh Lemon - Bru Lemon Semalaman Dan Anda Akan Kagum Dengan Kesannya**

The Family Breeze

**Dia tidak pernah buang kulit oren dan ini sebab rakyat Malaysia perlu tahu mengenainya!**

Women's Method

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 4m  [Ekonomi Malaysia lebih baik berbanding sebahagian negara lain](#)
- 18m  [Pejabat pasport lapangan terbang Kota Kinabalu operasi Jun](#)
- 24m  [Perdana Menteri ziarah Rafizi di hospital](#)
- 25m  [Prinsip 5G untuk UMNO Terengganu teruskan perjuangan](#)
- 27m  [Diletak FBI dalam senarai pengganas, Ahmad Musa, Abu Bakar tertanya-tanya](#)
- 27m  [Prasarana sekolah, bahasa Mandarin tarik ibu bapa hantar anak ke SJKC](#)
- 34m  [Sedania As Salam tinjau peluang kukuh produk hibah](#)
- 37m  [KKM sedia timbang pandangan banyak pihak isu ruang khas merokok](#)

## TRENDING



**NASIONAL** 24 minit yang lepas

**Perdana Menteri ziarah Rafizi di hospital**



**NASIONAL** 27 minit yang lepas

**Diletak FBI dalam senarai pengganas, Ahmad Musa, Abu Bakar tertanya-tanya**



**SELEBRITI** sejam yang lepas

**Bukti hitam putih elak pertikaian hak milik filem - Yusof Haslam**



**NASIONAL** 2 jam yang lepas

**KDN laksana kajian panjangkan tempoh sah laku passport kepada 10 tahun**



**SELERA** 2 jam yang lepas

**Bekas cef peribadi kerabat diraja Arab Saudi, tawar menu 'golongan kayangan' harga mampu milik di Meru**

## DISYORKAN



**NASIONAL** Feb 18, 2024 @ 11:38pm

**Kerajaan usaha tambah baik perlindungan wartawan sambilan, penggiat seni**



**NASIONAL** Feb 18, 2024 @ 10:58pm

**PAS dukung usaha kaji, pinda Perlembagaan Persekutuan**



**NASIONAL** Feb 18, 2024 @ 9:50pm

**'Anak datang peluk dalam mimpi' - Nadir Al-Nuri**



**KES** Feb 18, 2024 @ 10:27pm


**Pasangan warga emas cedera disamun empat lelaki berperang**



**LAIN-LAIN (SUKAN)** Feb 18, 2024 @ 10:00pm


**Perancangan 'ke laut' untuk Bertrand hadapi Olimpik**

## MYRESIPI



**RESIPI** 2 jam yang lepas

**Sambal Tumis Kerang Petai Selambak, Memang Nikmat Gaul Dengan Nasi!**



**RESIPI** Feb 16, 2024 @ 3:50pm

**Cara Buat Roti Sardin Cornflakes, Sedapnya Rangup Di Luar & Lembut Di Dalam**



**INFOMASI** Feb 16, 2024 @ 1:43pm

**10 Makanan Ini Jadi 'Extra' Sedap Jika Letak Mentega, Bukan Biasa-Biasa Tau!**



**RESIPI** Feb 16, 2024 @ 10:59am

**Resipi Ayam Masak Merah Versi Utara, Makan Dengan Nasi Apa Pun Sedap!**



**TIPS & PETUA** Feb 15, 2024 @ 5:39pm

**Cara Bersihkan Alat Baking Berminyak Tanpa Air Panas, Hanya Guna 2 Bahan!**

## SEISMIK



2 jam yang lepas

**[VIDEO] Ibu Aliff Syukri Dipuji Sebab Jujur Kongsi Ada 'Keburukan' Produk Yang...**



3 jam yang lepas

**Semua Pelanggan Berhenti Makan & Terus Berdiri Ketika Lagu Negaraku Dimainkan....**




Feb 16, 2024 @ 11:54am

**"Berjaya Pecahkan 4 Rekod" - Khairul Aming 'Restock' 35,000 Dendeng Nyet Berapi...**



Feb 16, 2024 @ 6:57pm

**Kenali Kisah Di Sebalik 6 Tiang Di Raudhah Yang Merupakan Tempat Mustajab Untuk...**



Feb 16, 2024 @ 6:40pm

**Trend Rakam Aksi Cium Kaabah Jadi Viral Di TikTok - "Seolah Tak Hormat Tempat..."**

## SIRAPLIMAU



**PUNCA KOLESTEROL TINGGI** 4 jam yang lepas

**Kuat Bersenam & Berat Pun Cun Tapi Kolesterol Tinggi Betul, Ini Punca Yang...**



**SPONSORED:180224:APPLECRUMBYAJL** Feb 18, 2024 @ 11:37am

**Nak Dapat Tiket AJL Dengan Pengalaman VIP Secara Percuma Dari Applecrumby®? Ini...**



**UPU ONLINE 2024** Feb 16, 2024 @ 4:33pm

**Senarai Perbezaan Program Lulusan SPM, Yang Mana Satu Jadi Pilihan Adik-Adik?**



**TANDA POWER STEERING ROSAK** Feb 16, 2024 @ 3:44pm

**5 Tanda Awal 'Power Steering' Kereta Ada Masalah, Patutlah Rasa Berat Bila Nak...**



**MALAYSIA MADANI 2024** Feb 16, 2024 @ 3:00pm

**Tiada Lagi Beras Putih Tempatan/Import, Kerajaan Kenalkan Beras Putih Malaysia...**



IKUTI KAMI DI:



**BERITA**

- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

**SUKAN**

- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

**MULTIMEDIA**

- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

**LANGGAN**

- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

**PERKHIDMATAN**

- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)

**RADIO**

- [Dapatkan Audio+](#)
- [Hot FM](#)
- [Buletin FM](#)
- [Fly FM](#)
- [8FM](#)
- [Molek FM](#)

2024 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd (Co. No. 196101000449 / 4485 H). A part of Media Prima Group  
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi